

13 SEP 2003

Merdeka-Pahlawan

SEMARAKKAN OBOR PATRIOTISME MELALUI ACARA KEMERDEKAAN

Fokus Berita oleh Abdul Halim Taib

KUALA LUMPUR: Semangat cintakan negara atau patriotisme sebenarnya mempunyai rentetan sejarah yang panjang dan menarik.

Jika pra merdeka, kisahnya berkisar kepada pengorbanan tokoh-tokoh dan rakyat tempatan mengemblengkan usaha dan tenaga ke arah memerdekakan negara daripada belunggu penjajah.

Kini, kisahnya berubah. Tugas dan peranan generasi pasca merdeka adalah lebih menjurus kepada usaha-usaha mengisi kemerdekaan.

Namun yang lama tetap dikenang. Dan untuk mengembalikan kenangan silam itulah, Biro Tatanegara, sebuah agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri telah menganjurkan acara kemerdekaan dengan menonjolkan sumbangan pahlawan tempatan.

Acara penuh simbolik yang bermula 2 Ogos hingga 16 September itu juga bermatlamat untuk meniupkan semangat patriotisme di kalangan rakyat.

Ketua Pengarah BTN, Datuk Dr Nordin Kardi berkata tumpuan acara kemerdekaan banyak dilakukan di ibu negeri dan bandar-bandar utama menyebabkan para pejuang dan pahlawan kemerdekaan yang tinggal di kawasan pedalaman dipinggirkan.

Kalau adapun majlis-majlis perayaan kemerdekaan di kampung, acaranya terlalu ringkas dan terhad, jelas beliau.

CUNGKIL PERANAN PAHLAWAN KEMERDEKAAN

Justeru, katanya, "BTN berusaha mencungkil peranan tokoh-tokoh tempatan yang berkorban untuk negara. Biarpun agak popular di kalangan masyarakat tempatan, namun nama mereka belum dikenali."

Dr Nordin berkata, pada masa yang sama, 'Malam Puisi Patriotik' yang merupakan sebahagian daripada Program Perjalanan Kemerdekaan turut diadakan. Ia merupakan acara penting yang diadakan buat kali keempat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, tahun ini BTN berharap dapat mencipta satu lagi rekod baru dalam 'Malaysia Book of Records' dalam acaranya yang tersendiri seperti yang pernah dimenangnya dua tahun sebelum ini.

Acara yang dimaksudkan ialah penyertaan sekumpulan wanita yang berjalan kaki tanpa berhenti melalui laluan dari Jeli, Kelantan ke Tanjung Puteri, Johor Baharu, Johor.

Bagaimanapun, Dr Nordin menekankan bahawa, yang penting di sini ialah bukan apa yang dicipta, tetapi acara itu mampu membawa rakyat dari pelbagai kaum dan warna kulit untuk menghayati erti kemerdekaan dan meniupkan semangat patriotisme kepada negara.

SIRI PROGRAM PERJALANAN KEMERDEKAAN

Bertemakan 'Menyusuri Jejak Pahlawan', beliau menjelaskan, Program Perjalanan Kemerdekaan 2003 anjuran BTN yang merupakan kali ketiga diadakan, menelan perbelanjaan sebanyak RM2.28 juta dan mengambil masa selama 45 hari.

Dr Nordin berkata, program itu melalui tiga laluan iaitu pertama, bermula 2 Ogos di Langkawi dan berakhir 16 September di Tanjung Puteri, Johor Baharu.

Laluan kedua bermula 3 Ogos dari Jeli, Kelantan dan berakhir 16 September di Tanjung Puteri, Johor Baharu manakala laluan ketiga bermula 20 Ogos di Kuching dan berakhir 16 September di Kota Kinabalu, Sabah.

Beliau berkata peserta yang mengikuti laluan pertama (Langkawi) dan

kedua (Jeli) bertemu di Kuala Pilah, Negeri Sembilan sebelum bersama-sama meneruskan perjalanan hingga ke Tanjung Puteri, Johor Baharu.

Dr Nordin berkata, rekod pertama yang pernah dicipta ialah acara berjalan kaki melalui Perjalanan Kemerdekaan 2001 dengan bertemakan, 'Warganegara Patriotik' dari Padang Besar ke Tanjung Piai, Johor iaitu tanah paling selatan di benua Asia.

Beliau menjelaskan tujuan perjalanan sehingga ke Tanjung Piai adalah semata-mata untuk memperkenalkan Tanjung Piai kepada rakyat Malaysia yang masih tidak mengenalinya, walhal rakyat Jepun telah lama mengenalinya dan berebut-rebut untuk ke sana.

Dr Nordin berkata rekod kedua dicipta pada 2002 melalui acara berjalan kaki berkumpul tanpa berhenti selama 24 jam dari Melaka ke Putrajaya.

Katanya, pejalan-pejalan kaki ini memulakan perjalanan mereka di Melaka pada malam 28 Ogos dan mengakhirinya di Dataran Putra Perdana, Putrajaya pada malam 29 Ogos dan terus menghadiri majlis pembacaan sajak oleh Perdana Menteri sempena Malam Puisi Patriotik.

Dr Nordin berkata hasil Program Perjalanan Kemerdekaan yang diadakan sejak tiga tahun lepas amat berkesan kerana ia melibatkan laluan kawasan tempat lahir tokoh-tokoh yang berjasa kepada negara.

Misalnya, dalam Program Perjalanan Kemerdekaan 2001 di Johor, pihaknya menemui seorang tokoh tempatan yang sama-sama berkayuh basikal dengan Datuk Onn Jaafar dalam kempen menuntut kemerdekaan.

SUSURI LALUAN BERSEJARAH

Menurut beliau, sepanjang perjalanan para peserta juga menyusuri laluan bersejarah dengan cara berakit, berperahu atau berbasikal, disertai penduduk tempatan dengan membawa jalur gemilang.

Katanya lagi, turut diadakan ialah pengisahan sejarah dan pertunjukan kebudayaan tempatan seperti gabus dan gamelan di dewan orang ramai atau padang sekolah.

Mengenai majlis pembacaan puisi oleh Dr Mahathir sempena 'Malam Puisi Patriotik' anjuran BTN, Dr Nordin berkata ia mendapat sambutan yang menggalakkan kerana melalui pembacaan itu, rakyat dapat menghayati perasaan, impian, wawasan dan perjuangan Perdana Menteri selama ini.

"Jika diamati betul-betul, kebanyakan intipati sajak itu lahir daripada ucapan-ucapan yang pernah diucapkan beliau sebelum ini," katanya.

Tajuk-tajuk sajak yang dideklamasikan Perdana Menteri dalam 'Malam Puisi Patriotik' sejak empat tahun lepas ialah 'Erti Kemerdekaan' (29 Ogos 2000), 'Dari Runtuhan Kota Melaka Kita Dirikan Putrajaya' (29 Ogos, 2001), 'Menghadapi Cabaran Menantang Bangsa (29 Ogos 2002) dan 'Damainya Negeriku' (29 Ogos 2003).

Hakikatnya, tahun demi tahun, BTN berusaha untuk membawa generasi pasca merdeka mengenang kembali perjuangan para pejuang kemerdekaan melalui acara-acaranya.

Secara tidak langsung, patriotisme akan terus subur, bak kata pepatah, tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.

--BERNAMA

HT RR